

Radium perkenal laluan pejalan kaki solar 350m

Radium Development Bhd (Radium) melancarkan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 350 meter yang dikuasakan tenaga solar, menghubungkan Stesen LRT Taman Melati ke Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT).

Projek bernilai RM600,000 itu siap pada penghujung November 2024 dan dibina bagi menyediakan perlindungan cuaca serta menjamin keselamatan dan keselesaan pejalan kaki yang bergerak antara stesen dan kampus berkenaan.

Menariknya, laluan itu turut menggunakan panel solar sebagai sumber tenaga, sekali gus menyokong usaha kelestarian dalam pembinaan infrastruktur bandar yang lebih cekap tenaga.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, berkata inisiatif Radium seiring dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang menekankan bandar berhubung, berdaya tahan dan berteraskan rakyat.

“DBKL amat menyokong kerjasama bermakna dengan sektor swasta seperti Radium yang berkongsi aspirasi untuk mewujudkan bandar raya mesra rakyat dan saling berhubung.

“Projek seperti ini menunjukkan bagaimana pemaju boleh melangkaui pembangunan komer-



Maimunah bersama Presiden TAR-UMT, Prof Datuk Dr Lee Sze Wei (kiri) dan Gan (dua dari kanan) pada majlis perasmian laluan pejalan kaki di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

sial dan menyumbang secara langsung kepada kesejahteraan komuniti,” katanya ketika merasmikan laluan pejalan kaki berkenaan, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, laluan itu juga menyumbang kepada matlamat Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 yang menekankan pengurangan jejak karbon melalui penyelesaian tenaga hijau.

“Penerapan pencahayaan solar adalah satu langkah penting ke arah pembangunan bandar lestari dan ia turut disepadukan dalam Program Page Flagship DBKL bagi tahun 2025,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Uru-

san Kumpulan Radium, Datuk Gary Gan Kah Siong, berkata pembinaan laluan pejalan kaki ini mencerminkan komitmen syarikat dalam membangunkan projek berteraskan komuniti dan kelestarian.

“Sebagai pemaju, kami bukan sekadar membina hartanah, tetapi juga bertanggungjawab melaksanakan secara inklusif demi manfaat masyarakat setempat.

“Inisiatif ini dipandu oleh prinsip ‘Radium Rule of 8’ yang mengutamakan kelestarian, kepercayaan dan keterangkuman supaya setiap projek memberi kesan positif yang berkekalan,” katanya.

Gan berkata, ini bukan kali pertama syarikat menyumbang kepada kemajuan institusi pendidikan dan masyarakat sekeliling.

Katanya, pada 2023, Radium menandatangani memorandum persepahaman (MoU) dengan TAR UMT bagi menubuhkan Skim Pinjaman Pelajar TARC-Radium Care.

“Skim ini menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar cemerlang yang mengalami kekurangan kewangan. Kami menyalurkan dana RM500,000 dalam tempoh lima tahun kepada empat pelajar terpilih bagi memastikan mereka dapat meneruskan pengajian,” katanya.